



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL MUSTA'IN BILLAH IBNI AL MARIUM
SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL MUADZAM SHAH
D.K.P., D.K., D.K.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (PERAK), D.K. (JOHOR),
D.K. (KELANTAN), D.K. (TERENGGANU), D.K. (PERLIS), D.K. (KEDAH), D.K.M.B.,
D.K. (BRUNEI), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (SELANGOR), QILADAH BADR
AL-KUBRA (SAUDI ARABIA), QILADAH AL-SHEIKH MUBARAK AL-KABIR
(KUWAIT), GRAND ORDER OF THE MUGUNGHWA (SOUTH KOREA),
HON. D. LITT (MALAYA), L.L.D. hc. (NORTHROP, U.S.A.).**

Buku ini diselenggarakan untuk penerbitan oleh sebuah Jawatankuasa Kecil Pengkisahan Sejarah sempena Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur 1992.

- Rekabentuk Kulit : Zain Azmi bin Zainal Abidin
- Rekaletak : Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pahang dan Pengarah Arkib Negara Cawangan Terengganu Pahang
- Penyunting : Pengarah Arkib Negara Cawangan Terengganu Pahang
- Pengarang : YH. Dato' Setia pegawai Pahang
YM. Gen. (B) Tan Sri Dato' Ungku Nazaruddin bin Ungku Muhammad
SIMP., PSM., DSAP., DIMP., SPMJ., PNBS., JMN., KMN., PJK.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pahang dan YM. Gen. (B) Tan Sri Dato' Ungku Nazaruddin bin Ungku Muhammad.

Cetakan Pertama 1992

© Hakcipta Lembaga Muzium Negeri Pahang

dan YM. Gen. (B) Tan Sri Dato' Ungku Nazaruddin bin Ungku Muhammad.

Harga :

Dicetak oleh : Sun U Book Co.

M985349

Hadijah

ii

M
959 5123

20 DEC 2000
Perpustakaan Negeri
Malaysia

YH - 11h.1



**PERUTUSAN DI-RAJA
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG**

Bismillah-hirrahmann-nirrahim

Beta berasa bangga dengan pengkisahan sejarah dan terbitnya buku bertajuk "Peristiwa Almarhum Sultan Abu Bakar Di Ladang Ng Tiong Kiat Pada Tahun 1945" yang dikisahkan semula oleh YH. Dato' Setia Penggawa Pahang YM. Gen. (B) Tan Sri Dato' Ungku Nazaruddin bin Ungku Muhammad, Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pahang bersempena dengan Seminar Sejarah Negeri Pahang Darul Makmur tahun 1992. Peristiwa yang melibatkan Seri Paduka ayahanda beta ini jelas menunjukkan betapa kasih dan prihatin almarhum Seri Paduka ayahanda beta terhadap keamanan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Adalah menjadi harapan beta agar pengkisahan sejarah dan penerbitan buku ini akan mencatatkan satu lagi lembaran sejarah bagi rakyat Negeri Pahang Darul Makmur dan Malaysia amnya.

Beta percaya masih banyak lagi sejarah lisan yang belum dirakamkan. Justeru, Beta ingin berseru kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah positif ke arah mendokumentasikan sejarah lisan demi memperkayakan perbendaharaan sejarah di Negeri Pahang Darul Makmur untuk generasi di hari muka khususnya.

Se kian, Wabillahil-taufik-walhidayah.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN HAJI AHMAD
SHAH AL MUSTA'IN BILLAH IBNI ALMARHUM SULTAN ABU
BAKAR RI'AYATUDDIN AL MU'ADZAM SHAH**
DKP., DK., DKM., SSAP., SIMP., DMN., DK(PERAQ.), DK(JOHOR), DK(KELANTAN),
DK(TERENGGANU), DK(PERLIS), DK(KEDAH), DKMB., DK(BRUNEI),
DK(NEGERI SEMBILAN), DK(SELANGOR), QILADAH BADR AL-KUBRA(SAUDI
ARABIA), QILADAH AL-SHEIKH MUBARAK AL-KABIR(KUWAIT), GRAND
ORDER OF THE MUGUNGHWA(SOUTH KOREA), HON. D. LITT(MALAYA),
LLD.hc.(NORTHROP USA)

SEKAPUR SIRIH

JEMPUTAN MILITARI GABENOR JEPUN KEPADA ALMARHUM BAGINDA TUANKU SULTAN

Hinggalah ke saat ini, ahli-ahli sejarah baik mereka dari tempatan, mahupun umum, masih lagi tertanya-tanya dengan peristiwa apakah yang sebenarnya Baginda Tuanku sultan Abu Bakar Ria'yatuddin Muadzam Shah, Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Pahang di waktu itu telah diganggu perjalanannya berangkat pulang ke istana di Pekan serta tertahan di ladang ubi kayu Ng Tiong Kiat di Batu 89, (sekarang Batu 72) Sungai Jerik, di tepi jalan Jerantut ke Kuantan, dalam mukim Chenor daerah Pekan, — pada masa itu. Tetapi sekarang ini mukim Chenor ini telah dijadikan salah satu mukim daerah Maran.

Kejadian yang berlaku kepada Baginda di dalam kereta itu adalah seolah-olah diserang hendap dengan senjata-senjata api automatik mereka, — tapi tidak diletupkan; untuk memaksakan perjalanan kereta itu berhenti dengan serta-merta. Dengan peristiwa yang menjadikan satu lagi sejarah Perang Dunia Ke-II, maka tertahanlah Baginda dengan pengiring-pengiringnya, di hutan besar Jengka, di belakang Ladang Ng Tiong Kiat (Ladang Chenor sekarang) selama 27 hari.

Sehari demi sehari, rakyat jelata dan keluarga Di-Raja telah menderita hinggalah ceritanya menceterakan, bahawa sesungguhnya Baginda Tuanku Sultan itu adapun diceterakan oleh orang yang punya cetera berada di dalam keadaan terselamat dan terpelihara.

'Kononnya — malam ini saya diminta oleh Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Pahang menjadi pengkisah perihal tajuk Peristiwa Almarhum Almarhum Sultan Abu Bakar Di Ladang Ng Tiong Kiat pada tahun 1945.

Andaikata: Jenuhlah para hadirin dan hadirat sekalian menggerakkan tenaga berfikir sama; memejamkan mata mendengar nanti, — (tapi janganlah lena — selepas jamuan citarasa yang kena pada tempatnya). Tapi saya lebih bosan lagi dengan pihak diri saya sendiri yang mendukung kisah saya ini! —